



Pusat Sukan anjur UMP Pekan *Sports Day* 2015

Pusat Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan UMP Pekan *Sports Day* 2015 (UPSD 2015) bagi menyahut seruan dan hasrat negara supaya masyarakat bergiat aktif dalam bidang sukan dan rekreasi pada Hari Sukan Negara 2015 yang disambut pada 10 Oktober 2015.

Program yang melibatkan penyertaan hampir 1,300 orang mahasiswa UMP Pekan itu diadakan pada 9 dan 10 Oktober 2015 yang lalu.

Program ini juga telah dimasukkan ke dalam Tentatif Hari Sukan Negara 2015 peringkat daerah Pekan, Pahang.

Antara acara yang dipertandingkan adalah futsal, bola tampar lelaki dan wanita, bola jaring, sepak takraw dan *night orienteering*.

Bersempena Pelancaran Hari Sukan Negara pada 10 Oktober 2015, acara Senamrobik Perdana UMP Pekan dan UMP Pekan Run 2015 turut dijalankan. Kebanyakan acara sukan yang dipertandingkan pada waktu malam dan memberi kelainan tersendiri.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie bin Zainuddin, serta Ketua Pusat Sukan, Mohd Aznorizamin Ismail turut bersama-sama mahasiswa dan mahasiswi UMP Pekan untuk sesi Senamrobik Perdana UMP Pekan sempena pelancaran Hari Sukan Negara 2015.

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Hari Sukan Negara adalah penting dalam usaha bersama menggalakkan semua warga UMP menerapkan amalan budaya hidup sihat, cergas dan aktif serta membantu para pelajar supaya cergas dan cerdas sepanjang berada di UMP.

Majlis Penyampaian hadiah dan penutup dijalankan selepas selesai menyaksikan Perlawanan Akhir Futsal (*night games*) antara pasukan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM A) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE A).

Dalam perlawanan akhir tersebut, kemenangan telah berpihak kepada pasukan FKEE A.

